

08 NOV 1998

Singapura-Malaysia

RUNDINGAN MALAYSIA-SINGAPURA BERDASARKAN MANFAAT BERSAMA

SINGAPURA, 8 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Lee Hsien Loong hari ini berkata jaminan Singapura untuk menyediakan dana bagi Malaysia dalam rundingan baru-baru ini antara perdana menteri kedua-dua negara adalah atas dasar ia akan memberi manfaat bersama.

"Perbincangan Malaysia itu adalah berdasarkan faedah bersama. Ia bukan satu perkara yang perlu disegerakan tetapi sesuatu yang kita mahu selesaikan dalam jangka panjang," kata beliau ketika ditemui pemberita selepas upacara menanam pokok di sini.

"Malaysia telah melahirkan hasrat untuk memperolehi dana di Singapura. Oleh itu, saya berpendapat satu bentuk persetujuan boleh dicapai yang memanfaatkan kedua-dua pihak.

"Ia bukan usaha yang menampakkan kemurahan Malaysia kepada Singapura atau kemurahan Singapura kepada Malaysia. Ia suatu persetujuan dan memberi manfaat bersama," kata beliau ketika ditanya bagaimana masyarakat di sini, yang menghadapi pemotongan gaji, akan menunjukkan reaksi kepada usaha Singapura menyediakan dana bagi Malaysia.

Lee berkata Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong, yang mengadakan pertemuan Khamis lalu pada dasarnya melahirkan hasrat untuk mencapai persetujuan itu.

Ketika ditanya adakah ini bermakna bahawa akhirnya persetujuan dicapai bagi bekalan air, Lee berkata ia bergantung kepada bagaimana perbincangan berjalan.

"Ia masih pada peringkat awal dan banyak butiran perlu disiapkan antara pegawai dari kedua-dua pihak yang belum bertemu," kata beliau.

Pulau itu, antara negara paling makmur di dunia tetapi kurang sumber bergantung kepada Malaysia bagi bekalan airnya dan mahu menandatangani perjanjian baru bagi mendapatkan lebih banyak air.

Malaysia kini membekalkan air mentah kepada Singapura pada kadar 3 sen untuk 1,000 gelen di bawah dua perjanjian yang tempohnya berakhir pada 2011 and 2061. Malaysia mahu membekalkan air yang telah dirawat di bawah perjanjian baru yang belum dicapai antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir dan Goh mengadakan rundingan di Kuala Lumpur dan adalah diumumkan selepas pertemuan itu bahawa Singapura bersetuju membantu menyediakan dana bagi Malaysia untuk menangani kegawatan ekonomi.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia akan menentukan jumlah air yang diperlukan oleh Singapura dan ia akan dipenuhi.

Pertemuan antara kedua-dua pemimpin itu ialah yang kelima tahun ini sejak April apabila hubungan dua hala bertukar menjadi dingin bersabit dengan beberapa isu.

-- BERNAMA

TCL FAZ